

Headline **Seri Lantai kayu tempatan**
Date **14 Jun 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **22,23**
Article Size **1046 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,673**
PRValue **62,020**



Kelebihan lantai kayu tempatan

- Menggunakan kayu asli, tiada penggunaan bahan kimi atau pengilat.
- Cukup tahan lasak boleh tahan selama bergenerasi.
- Proses pengecutannya cepat, jadi apabila di pasang tidak akan ada lagi pergerakan akibat proses tersebut.
- Meningkatkan nilai sesebuah rumah.
- Kemasan menarik dan berkualiti premium
- Kayu keras tempatan ini mudah dipulihara bila-bila masa dan berulang kali.
- Boleh menggunakan kemasan tambahan atau dibiarkan dengan warna semulajadi.
- Jika tercalar ketika pembinaan, pemasangan atau akibat aktiviti lain boleh dihilangkan hanya dengan gosokan kertas pasir. Ia akan kembali berkilat.
- Kayu seperti cengal, tembusu, merbau dan keruing akan menjadi semakin berkilat jika semakin kerap digunakan.



LANTAI kemasan daripada kayu keras tempatan lebih tahan lasak.




Kos

- Cengal - RM35-RM40 sekaki persegi
- Tembusu - RM8-RM10 sekaki persegi
- Merbau - RM8-RM10 sekaki persegi
- Keruing - RM8-RM10 sekaki persegi

Pertanyaan hubungi: Kemuning Kayu Keras tel: 03-91737648, Fax: 03-87244882, e-mail: kemuning_kayukeras@gmail.com

Seri Lantai kayu tempatan



Headline	Seri Lantai kayu tempatan	Language	Malay
Date	14 Jun 2010	Page No	22,23
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	1046 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	20,673
Frequency	Daily	PRValue	62,020
Circ / Read	197,952 / 833,287		

APAKAH pilihan anda untuk menghias lantai apabila berpindah ke rumah baru? Adakah hiasan lantai berasaskan jubin, marmar atau kayu yang menjadi pilihan.

Apa kata, jika menukar selera kepada lantai daripada kayu tempatan yang nyata berkualiti dan tahan lama.

Biasanya, apabila kita mahu memasang lantai kayu kawan-kawan atau pihak kontraktor sendiri pasti mencadangkan kayu import.

Yang selalu disebut ialah oak dan jati. Oak biasanya diimport dari Eropah dan jati pula dari negara-negara jiran.

Jarang sekali kita mendengar mengenai lantai daripada kayu keras tempatan.

Sedangkan kayu tempatan jauh lebih berkualiti dan tahan lama berbanding yang diimport.

Lantai daripada kayu keras tempatan cukup tahan lasak. Ia mudah dicuci dan tahan kotor. Permukaannya tahan bertahun-tahun dan datang dengan corak yang berbeza serta menarik.

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), kayu keras Malaysia lebih tahan lasak berbanding oak.

Kayu-kayu ini juga lebih sesuai dengan persekitaran cuaca negara ini berbanding kayu import.

Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh FRIM, terdapat 11 jenis yang disenaraikan sebagai kayu keras di Malaysia.

Tetapi tiga jenis kayu yang sering digunakan atau yang popular ialah cengal, merbau dan tembusu. Satu lagi ialah keruing yang terletak dalam kategori sederhana keras.

Semua ini antara kayu yang dijadikan kemasan lantai dan dibekalkan oleh syarikat Kemuning Kayu Keras Sdn. Bhd.

yang berpejabat di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur.

Jadi, jika berhajat untuk menukar lantai rumah kepada kayu boleh pilih pelbagai pilihan lantai kayu keras

tempatan yang pelbagai jenis ini.

Pengarah Kemuning Kayu Keras, Abdul Samad Tajudin berkata, lantai kayu memang merupakan trend pada masa ini.

Selain kemasan daripada marmar, jubin dan permaidani, lantai kayu lebih praktikal dan cukup tahan lasak.

Tetapi katanya, jika memilih untuk memasang lantai kayu seeloknya pilih kayu tempatan.

“Yang paling penting ialah dari segi kesesuaian dengan cuaca negara kita.

“Malah lantai kayu keras tempatan ini cukup popular di Eropah dan Amerika Syarikat

sebab ketahanannya,” kata Abdul Samad.

Katanya, di Kemuning Kayu Keras, lantai yang digunakan adalah daripada kayu asli. Tidak ada penggunaan kimia atau bahan tiruan.

“Kita menggunakan kayu asli yang cukup lasak dan boleh tahan untuk beberapa generasi. Seperti rumah kayu yang lama yang mampu bertahan lama,” jelasnya.

Lagi pula katanya, rumah yang mempunyai lantai kayu keras tempatan nilainya lebih tinggi.

Lantai kayu ini sesuai digunakan di ruang tamu, ruang makan, bilik tidur tangga.

Kayu lebih tempatan lebih berkualiti. Harga setiap kayu juga berbeza dengan cengal mendahului senarai sebagai kayu yang termahal.

“Kita mempunyai kilang di Besut Terengganu. Apabila ada tempahan daripada pengguna kita akan membawanya dari terengganu.

“Saiz kayu untuk lantai ini juga bergantung kepada permintaan penggunaan,” katanya.

Selain lantai katanya, hiasan kayu juga boleh digunakan untuk pelbagai kemasan lain termasuk dinding, siling dan tangga.

“Pada masa ini kami membekal dan memasang lantai kayu keras ini untuk beberapa projek perumahan di sekitar Lembah Klang.

“Kami juga sedia menerima permintaan atau tempahan daripada individu yang berminat untuk menukar lantai rumah mereka kepada kayu keras tempatan yang begitu berkualiti ini,” katanya.

Seorang lagi Pengarah Kemuning Kayu Keras, Khir Johari Shafie memberitahu, pelanggan boleh memilih corak dan jenis kayu untuk hiasan lantai pilihan mereka.

Bagi yang bercita rasa tinggi boleh menggunakan kayu cengal dengan harga sekitar RM38 bagi sekaki persegi.

Cengal merupakan antara kayu yang paling keras dan tahan lasak untuk dijadikan lantai dan kemasan lain.

Pilihan lain ialah tembusu dan merbau dengan harga sekitar RM8 ke RM10 bagi sekaki persegi.

Bagaimanapun harga berbeza-beza mengikut ketebalan kayu yang dipilih



KEDIAMAN lebih menawan dengan lantai kayu.